

PERBANDINGAN PROTO-MELAYO-POLINESIA DAN MELAYIK PURBA DENGAN BAHASA BIDAYUHIK UTARA PURBA

Rahim Aman
Universiti Kebangsaan Malaysia

Pendahuluan

Perbandingan antara Bahasa Proto-Melayo-Polinesia (PMP) dan Melayik Purba (MP) dengan Bahasa Bidayuhik Utara Purba (BUP) dilakukan secara khusus dalam penulisan ini. Data PMP yang dimanfaatkan diambil daripada Blust (1980, 1983-84, 1986, 1990-95 dan 1997), Adelaar (1992 dan 1995) dan Tryon (1995). Data PMP yang diajukan oleh Adelaar (1992 dan 1995) dan Tryon (1995) sebenarnya diambil daripada rekonstruksi PMP yang telah dilakukan oleh Blust dan data MP diambil daripada Adelaar (1992).

Perbandingan ketiga-tiga bahasa di atas memanfaatkan teori linguistik perbandingan berlandaskan pendekatan kualitatif. Penggunaan teori ini adalah berdasarkan kejituannya dalam melihat perubahan-perubahan bahasa yang lebih bersifat tabii. Selanjutnya, perbandingan antara PMP dan MP dengan BUP dibatasi dalam aspek perubahan fonem, perubahan fonotaktik dan penggantian leksikal. Perbincangan dimulai dengan membandingkan sistem fonem vokal dan konsonan PMP dan MP dengan sistem fonem vokal dan konsonan yang terdapat dalam BUP. Hasil daripada perbandingan tersebut memperlihatkan wujudnya beberapa retensi dan inovasi sistem fonem antara bahasa purba tersebut. Selain itu, perbincangan juga difokuskan pada perubahan fonotaktik yang wujud hasil daripada perbandingan BUP dengan PMP dan MP. Kehadiran beberapa ciri fonotaktik khas hasil daripada perbandingan tersebut menyerlahkan satu rumusan bahawa BUP memiliki ciri fonotaktiknya yang tersendiri dan harus diakui sebagai satu kelompok bahasa yang tersendiri.

Selain mengutarakan perbandingan di atas, perbincangan juga menyentuh tentang item leksikal BUP dengan PMP dan MP. Item leksikal yang berkognat antara ketiga-tiga bahasa purba tersebut akan disentuh sewaktu perbincangan sistem fonem vokal dan

konsonan. Justeru, perbincangan ini lebih memfokuskan kepada penggantian item leksikal yang berlaku antara BUP dengan PMP dan MP. Perubahan item leksikal yang wujud antara BUP dengan bahasa-bahasa purba tersebut sekali lagi menandakan bahawa BUP ialah satu kelompok bahasa yang tersendiri yang telah lama berpisah daripada induknya, iaitu PMP.

Perubahan PMP ke BUP

Bahagian ini secara khusus menghuraikan perbandingan antara PMP dengan BUP, khasnya dalam aspek fonem, ciri fonotaktik dan penggantian item leksikal. Huraian lengkap berkaitan aspek-aspek tersebut dapat diikuti dalam bahagian berikut.

Perbandingan fonem PMP dengan BUP

Dalam bahagian ini, perbandingan fonem PMP dengan BUP terlebih dahulu dilakukan pada fonem vokal, diftong dan selanjutnya pada fonem konsonan dan fonem separuh vokal. Perbandingan fonem-fonem tersebut dapat dilihat dalam bahagian berikut.

Fonem Vokal

Jadual 1.1 menunjukkan perbandingan fonem vokal antara PMP dengan BUP. Berdasarkan jadual tersebut memperlihatkan bahawa fonem vokal PMP diturunkan secara linear dalam BUP. Hal ini bererti bahawa semua fonem vokal BUP mengalami retensi dengan PMP. Huraian keberadaan fonem vokal PMP dan BUP dapat diikuti seperti berikut;

JADUAL 1.1 Perbandingan Fonem Vokal PMP dan BUP

	Fonem Vokal			
PMP	*a	*ə	*i	*u
BUP	*a	*ə	*i	*u

Fonem vokal PMP *a menjadi BUP *a dalam semua posisi kata kecuali pada kata PMP *buqaya ‘buaya’ > BUP *buʔay, PMP *qasawa ‘isteri’ > BUP *sawa dan PMP *qapəju ‘hempedu’ > BUP *pədu. Kelainan ini mungkin dapat dijelaskan sebagai faktor penyingkatan kata trisuku yang terjadi dalam BUP. Oleh sebab itu, vokal PMP *a hadir sebagai zero dalam BUP, khususnya pada kata-kata trisuku tadi. Selain itu, kata PMP *zaqit ‘jahit’ > BUP *dʒiʔit juga memperlihatkan satu pengecualian; PMP *a > BUP *i / K_K. Namun, beberapa contoh data yang boleh diperlihatkan tentang pola yang lazim, yakni retensi BUP *a ini dengan PMP, adalah seperti berikut:

Contoh:

PMP *anak ‘anak’ > BUP *anak, PMP *ayuy ‘kera’ > BUP *ayuy, PMP *danuy ‘berenang’ > BUP *danuy, PMP *tanək ‘tanak’ > BUP *tanək, PMP *apaqpaq ‘ketiak’ > BUP *kara-paʔ, PMP *asa ‘satu’ > BUP *sa, dan PMP *lima ‘lima’ > BUP *rima.

Fonem vokal PMP *ə menurunkan BUP *ə dalam semua posisi kata; awal, praakhir dan suku kata akhir tertutup. Namun begitu, pada beberapa kata tertentu berlaku kekecualian yang sulit untuk dijelaskan. Sebagai contohnya; PMP *qatəluR ‘telur’ > BUP *turu; PMP *təlu ‘tiga’ > BUP *taru, PMP *dəŋəR ‘mendengar’ > BUP *dəŋa, PMP *pusəj ‘pusat’ > BUP *pəsid, dan PMP *qələd ‘sayap’ > BUP *arad. Pewarisan bersama, yakni retensi vokal PMP *ə > BUP *ə dapat diaju berdasarkan data berikut.

Contoh:

PMP *ənəm ‘enam’ > BUP *ənəm, PMP *bəsaq ‘basah’ > BUP *bəsaʔ, PMP *hutək ‘otak’ > BUP *utək, PMP *ipən ‘gigi’ > BUP *dʒipən, dan PMP *qasəŋ ‘bernafas’ > BUP *asəŋ.

Selanjutnya, fonem vokal PMP *i menurunkan BUP *i secara teratur dalam semua posisi kata; awal, praakhir, suku kata akhir tertutup dan suku kata akhir terbuka. Fonem vokal BUP *i yang mengalami retensi dengan PMP *i ini dapat dilihat dalam data berikut.

Contoh:

PMP *inah ‘itu’ > BUP *ina, PMP *imu ‘kamu’ > BUP *imu, PMP *sibaw ‘rambutan liar’ > BUP *sibaw, PMP *kulit ‘kulit’ > BUP *kurit, PMP *lanjit ‘langit’ > BUP *ranjit, PMP *qudip ‘hidup’ > BUP *udip, dan PMP *tali ‘tali’ > BUP *tari.

Fonem vokal PMP *u menurunkan BUP *u dalam posisi awal, praakhir, suku kata akhir tertutup dan suku kata akhir terbuka. Walau bagaimana pun, pada beberapa kata tertentu terdapat pengecualiannya, yaitu PMP *puki ‘kemaluan perempuan’ > BUP *paki, PMP *pusəj ‘pusat’ > BUP *pəsɪd, PMP *tuhud ‘lutut’ > BUP *tuəd, PMP *pusuq ‘jantung’ > BUP *pəsɪʔ, dan PMP *qatəluR > BUP *turu. Contoh data yang menggambarkan retensi bersama PMP *u dengan BUP *u adalah seperti di bawah.

Contoh:

PMP *utaq ‘muntah’ > BUP *utaʔ, PMP *udu ‘rumput’ > BUP *udu, PMP *butuq ‘kemaluan lelaki’ > BUP *butuʔ, PMP *tuqəlanj ‘tulang’ > BUP *turaŋ, PMP *daSun ‘daun’ > BUP *daun, PMP *labuq ‘jatuh’ > BUP *rabuʔ, dan PMP *batu ‘batu’ > BUP *batu.

Diftong

Diftong PMP *-aw, *-uy dan *-ay mengalami retensi dalam BUP (lihat bahagian 7.3). Pada satu sisi, diftong PMP *-uy menurunkan BUP *-uy secara teratur, tetapi

perkembangan diftong PMP *-aw dan *-ay agak berbelit-belit dalam BUP. Perkembangan kedua-dua diftong purba ini dalam BUP boleh dirujuk kepada huraian tentang urutan perubahan bunyi seperti mana yang dipaparkan dalam bahagian 7.3.

Selain itu, keberadaan diftong PMP *-iw dalam BUP mengalami perubahan nilai pada tahap yang lebih purba. Pada tahap yang lebih purba, diftong PMP *-iw telah pun mengalami inovasi dalam BUP (PMP *-iw > BUP *u), yakni dalam contoh data berikut; PMP *kaSiw ‘kayu’ > BUP *kayu (< /kaiw/ < /kayw/ < /kayu/ < /kayuh/). Perkembangan selanjutnya memperlihatkan bahawa kata ‘kayu’ tadi mendapat epentesis /-h/ dalam semua varian Bidayuhik, kecuali BKY dan RA.¹ Jadual 1.2 adalah perbandingan diftong PMP dengan BUP.

JADUAL 1.2 Perbandingan Diftong PMP dan BUP

	Diftong		
PMP	*-aw	*-uy	*-ay
BUP	*-aw	*-uy	*-ay

Keberadaan diftong berikut dalam PMP dan BUP dapat dilihat seperti data di bawah.

Contoh:

PMP *nakaw ‘mencuri’ > BUP *nakaw, PMP *Danaw ‘danau’ > BUP *danaw, PMP *babaw ‘tikus’ > BUP *babaw, , PMP *daŋuy ‘berenang’ > BUP *daŋuy, PMP *hapuy ‘api’ > BUP *apuy, PMP *suŋay ‘sungai’ > BUP *suŋay, dan PMP *away ‘muka’ > BUP *dʒaway, PMP *qatay ‘hati’ > BUP *atay, PMP *bəRsay ‘pengayuh’ > BUP *bəṛəsay.

Konsonan Plosif Tidak Bersuara

Konsonan plosif tidak bersuara PMP *p, *t dan *k diwarisi secara linear dalam BUP, iaitu BUP *p, *t dan *k. Fonem konsonan BUP *p, *t dan *k hadir dalam semua posisi kata; awal, antarvokal dan pada posisi akhir kata. Selanjutnya, fonem PMP *q menjadi zero dalam BUP, khasnya pada posisi awal kata (PMP *q > BUP ∅ /#_).² Dalam beberapa kata trisuku PMP, iaitu PMP *qasawa ‘isteri’, PMP *qapəju ‘hempedu’ dan PMP *qatəluR ‘telur’ mengalami pula proses penyingkatan suku kata, khasnya pada suku kata awal mengakibatkan suku kata PMP *qa- wujud sebagai zero.

Selanjutnya, pada posisi lain PMP *q menjadi BUP *ʔ (PMP *q > BUP *ʔ /posisi lain). Berkaitan dengan kata yang bersuku tiga PMP, iaitu PMP *baRəqat ‘berat’, PMP *buqaya ‘buaya’ dan PMP *baqəRu ‘baru’, fonem PMP *q menjadi BUP *ʔ di samping mengalami pula penyingkatan suku kata pada kata-kata tersebut. Penyingkatan suku kata pada kata-kata trisuku PMP ini menghasilkan kata yang bersuku dua dalam BUP; PMP *baRəqat ‘berat’ > BUP *baʔat, PMP buqaya ‘buaya’ > BUP *buʔay dan PMP *baqəRu ‘baru’ > BUP *baʔu.

Kata PMP *tuqəlaŋ ‘tulang’ dan PMP *bitiqis ‘betis’ mengalami pengecualian sekiranya rumus PMP *q > BUP *ʔ /posisi lain hendak diterapkan. Kenyataannya, PMP *tuqəlaŋ ‘tulang’ > BUP *turaŋ, dan PMP *bitiqis ‘betis’ > BUP bitis, yakni fonem PMP *q > BUP ∅ yang seharusnya wujud sebagai BUP *ʔ, dan fenomena ini sulit untuk dijelaskan. Jadual 1.3 memperlihatkan perbandingan konsonan plosif tidak bersuara PMP dan BUP.

JADUAL 1.3 Perbandingan Konsonan Plosif Tidak Bersuara PMP dan BUP

	Konsonan Plosif Tidak Bersuara				
PMP	*p	*t	*k	*q-	*q

BUP	*p	*t	*k	∅ /#_	*ʔ / posisi lain
-----	----	----	----	-------	------------------

Perbandingan konsonan plosif tidak bersuara PMP dan BUP dapat dilihat dalam data berikut.

Contoh:

PMP *paqa ‘paha’ > BUP *paʔa, PMP *pataq ‘patah’ > BUP *pataʔ, PMP *puqun ‘pohon’ > BUP *puʔun, PMP *pariaq ‘peria’ > BUP *pariaʔ, PMP *ipən ‘gigi’ > BUP *dʒipən, PMP *ma-kapal ‘tebal’ > BUP *kapa, PMP *qapəju ‘hempedu’ > BUP *pədu, PMP *qatəluR ‘telur’ > BUP *turu, PMP *qasawa ‘isteri’ > BUP *sawa, PMP *quDip ‘hidup’ > BUP *udip, PMP *tanaq ‘tanah’ > BUP *tanaʔ, PMP *tanək ‘tanak’ > BUP *tanək, PMP *butuq ‘kemaluan lelaki’ > BUP *butuʔ, PMP *utaq ‘muntah’ > BUP *utaʔ, PMP *qatay ‘hati’ > BUP *ati, PMP *baRəqat ‘berat’ > BUP *baʔat, PMP *baqəRu ‘baru’ > BUP *baʔu, PMP *buqaya ‘buaya’ > BUP *buʔay, PMP *lanjit ‘langit’ > BUP *ranjit, PMP *kulit ‘kulit’ > BUP *kurit, PMP *siku ‘siku’ > BUP *siku, PMP *luZaq ‘meludah’ > BUP *rudʒaʔ, PMP *daqan ‘dahan’ > *daʔan, dan PMP *qabu ‘abu’ > *abu.

Konsonan Plosif Bersuara

Fonem PMP *b, *d, *g menjadi BUP *b, *d dan *g dalam semua posisi kata; awal, antarvokal dan pada posisi akhir kata. Fonem PMP *D menjadi BUP *d, khasnya pada posisi awal kata; PMP *D > BUP *d /#_.³ Jadual 1.4 berikut menggambarkan perbandingan konsonan plosif bersuara antara PMP dengan BUP.

JADUAL 1.4 Perbandingan Konsonan Plosif Bersuara PMP dan BUP

	Konsonan Plosif Bersuara			
PMP	*b ⁴	*D-	*d	*g
BUP	*b	*d /# _	*d,	*g

Data berikut memperlihatkan perbandingan konsonan plosif bersuara antara PMP dengan BUP.

Contoh:

PMP *bitiqis ‘betis’ > BUP *bitis, PMP *buaq ‘buah’ > BUP *buaʔ, PMP *buku ‘buku buluh’ > BUP *buku, PMP *bulu ‘bulu’ > BUP *buru, PMP *labuq ‘jatuh’ > BUP *rabuʔ, PMP *sibaw ‘rambutan liar’ > BUP *sibaw, PMP *təbək ‘menikam’ > BUP *təbək, PMP *ma-Suab ‘menguap’ > BUP *kuab, PMP *Danaw ‘danau’ > BUP *danaw, PMP *Daraq ‘darah’ > BUP *dayaʔ, PMP *DəŋəR ‘mendengar’ > BUP *dəŋa, PMP *dudu ‘guruh’ > BUP *dudu, PMP *daqan ‘dahan’ > BUP *daʔan, PMP *daŋuy ‘berenang’ > BUP *daŋuy, PMP *daSun ‘daun’ > BUP *daun PMP *indu ‘ibu’ > BUP *sindu, PMP *qudip ‘hidup’ > *udip, PMP *tuhud ‘lutut’ > BUP *tuad, PMP *qələd ‘sayap’ > BUP *arad, PMP *gusuk ‘gosok’ > BUP *gusuk, PMP *pagi ‘besok’ > BUP *pagi, dan PMP *qayag ‘mengayak’ > BUP *ayag.

Konsonan Nasal

Fonem nasal PMP *m, *n, dan *ŋ menjadi BUP *m, *n, dan *ŋ. Fonem BUP *m dan BUP *n hadir dalam semua posisi kata; awal, antarvokal dan pada posisi akhir kata dan fonem BUP *ŋ hanya hadir pada posisi antarvokal dan posisi akhir kata sahaja.⁵ Jadual 1.5 berikut menunjukkan perbandingan konsonan nasal PMP dan BUP.

JADUAL 1.5 Perbandingan Konsonan Nasal PMP dan BUP

	Konsonan Nasal		
PMP	*m	*n	*ŋ
BUP	*m	*n	*ŋ

Perbandingan fonem nasal PMP dengan BUP dapat dilihat dalam data berikut.

Contoh:

PMP *manuk ‘burung’ > BUP *manuk, PMP *sumit ‘misai’ > BUP *sumit, PMP *imu ‘kamu’ > BUP *imu, PMP *ənəm ‘enam’ > BUP *ənəm, PMP *nakaw ‘mencuri’ > BUP *nakaw, PMP *anak ‘anak’ > BUP *anak, PMP *tanaq ‘tanah’ > BUP *tanaʔ, PMP *ipən ‘gigi’ > BUP *dʒipən, PMP *daqan ‘dahan’ > BUP *daʔan, PMP *hikan ‘ikan’ > BUP *ikan, PMP *DəŋəR ‘mendengar’ > *dəŋa, PMP *laŋit ‘langit’ > BUP *raŋit, PMP *daŋuy ‘berenang’ > BUP *daŋuy, PMP *tuqəlaŋ ‘tulang’ > BUP *turaŋ, PMP *qasəŋ ‘bernafas’ > BUP *asəŋ, dan PMP *ayuŋ ‘kera’ > BUP *ayuŋ.

Konsonan Frikatif Tidak Bersuara

Fonem konsonan frikatif tidak bersuara PMP *S menjadi BUP ∅, khasnya pada posisi awal kata dan antarvokal. Fonem PMP *s tetap diwarisi secara linear dalam BUP *s. Fonem BUP *s hadir dalam semua posisi kata; awal, antarvokal dan pada posisi akhir kata.⁶ Jadual di bawah menunjukkan perbandingan antara konsonan frikatif tidak bersuara PMP dengan BUP.

JADUAL 6.6 Perbandingan Konsonan Frikatif Tidak Bersuara PMP dan BUP

	Konsonan Frikatif Tidak Bersuara	
PMP	*S	*s
BUP	∅	*s

Keberadaan konsonan frikatif tidak bersuara antara PMP dengan BUP dapat dilihat dalam data berikut.

Contoh:

PMP *Sajək ‘mencium’ > BUP *adək, PMP kaSiw ‘kayu’ > BUP *kayu (PMP *kaSiw > kaiw > kayw > kayu), PMP *siku ‘siku’ > BUP *siku, PMP *suŋaj ‘sungai’ > BUP *suŋi, PMP *sibaw ‘rambutan liar’ > BUP *sibaw, PMP *qasəŋ ‘bernafas’ > BUP *asəŋ, PMP *qasawa ‘isteri’ > BUP *sawa, dan PMP *bitiqis ‘betis’ > BUP *bitis.

Konsonan Afrikat Bersuara

Fonem PMP *z, *Z diturunkan dalam BUP sebagai *dʒ, khasnya pada posisi awal dan antar vokal, manakala fonem PMP *j menjadi BUP *d pada posisi antarvokal dan posisi akhir kata. Jadual 1.7 adalah perbandingan konsonan tersebut antara PMP dengan BUP, manakala data berikutnya mewakili huraian di atas.

JADUAL 1.7 Perbandingan Konsonan Afrikat Bersuara PMP dan BUP

	Konsonan Afrikat Bersuara	
PMP	*z, *Z	*j
BUP	dʒ	*d

Contoh:

PMP *zaqit ‘menjahit’ > BUP *dʒiʔit, PMP *zaqat ‘jahat’ > BUP *dʒaʔat, PMP *quzan ‘hujan’ > BUP *udʒan, PMP *luZaq ‘meludah’ > BUP *rudʒaʔ, PMP *qapəju

'hempedu' > BUP *pədu, PMP *ujuŋ 'hidung' > BUP *unduŋ, PMP *Sajək 'mencium' > BUP *adək, dan PMP *pusəj 'pusat' > *pəsəd.

Konsonan Likuida

Fonem likuida PMP *R, *r pada posisi awal kata hadir sebagai zero dan PMP *l pada posisi yang sama hadir sebagai *r. Pada posisi antarvokal PMP *R, *r dan *l menyatu lalu menghasilkan BUP *r; yakni PMP *R, *r, *l > BUP *r /#_#. Selain itu, pada posisi akhir kata fonem PMP *R, *r dan *l menjadi zero dalam BUP; yakni PMP *R, *r, *l > BUP ø /_#. Pada beberapa kata tertentu wujud pengecualian, misalnya PMP *R > BUP ø pada posisi akhir kata, tetapi wujud sebagai BUP *r, dan PMP *R > BUP *r pada posisi antarvokal, tetapi wujud sebagai BUP ø.

Contoh data yang memperlihatkan pengecualian ini adalah seperti berikut; PMP *hipaR 'ipar' > BUP *sipar (keterangan lanjut tentang keberadaan BUP *s- sebagai partikel boleh dirujuk pada bahagian 4.5), PMP *DaRaq 'darah' > BUP *dayaʔ, PMP *baqəRu 'baru' > BUP *baʔu, dan PMP *baRəqat 'berat' > BUP *baʔat. Perbandingan konsonan likuida antara PMP dengan BUP dapat dilihat dalam Jadual 1.8.

JADUAL 1.8 Perbandingan Konsonan Likuida PMP dan BUP

	Konsonan Likuida
PMP	*R, *r *l
BUP	*r

Contoh:

PMP *Rabun ‘awan’ > BUP *abun, PMP *dəŋəR ‘mendegar’ > BUP *dəŋa, PMP *pariaq ‘peria’ > BUP *pariaʔ, PMP *luZaq ‘meludah’ > BUP *rudzaʔ, PMP *kulit ‘kulit’ > BUP *kurit, PMP *tali ‘tali’ > BUP *tari, PMP *qali-mətaq ‘lintah’ > BUP *rimətaʔ, PMP *lanjit ‘langit’ > BUP *raŋit, PMP *lima ‘lima’ > BUP *rima, PMP *tuqəlaŋ ‘tulang’ > BUP *turaŋ, dan PMP *ma-kapal ‘tebal’ > BUP *kapa.

Konsonan Separuh Vokal

Fonem separuh vokal PMP *w dan *y diturunkan dalam BUP sebagai BUP *w dan *y. BUP *w dan BUP *y hadir hanya pada posisi antarvokal dan retensi kedua-dua bunyi ini daripada PMP dapat dilihat dalam data di bawah. Selain itu, perbandingan kedua-dua bunyi ini antara PMP dengan BUP dapat dilihat dalam Jadual 1.9.

JADUAL 1.9 Perbandingan Konsonan Separuh Vokal PMP dan BUP

	Konsonan Separuh Vokal	
PMP	*w	*y
BUP	*w	*y

Contoh:

PMP *tawa ‘tertawa’ > BUP *tawa, PMP *qasawa ‘isteri’ > BUP *sawa, PMP *bawaŋ ‘paya’ > BUP *tawaŋ, dan PMP *ayuŋ ‘kera’ > BUP *ayuŋ.

Perbandingan fonotaktik PMP dengan BUP

Terdapat dua perubahan fonotaktik yang terjadi antara PMP dan BUP, yakni penambahan konsonan *dʒ dalam BUP, dan penyingkatan suku kata pada kata trisuku. Huraian perubahan fonotaktik tersebut dapat diikuti dalam huraian berikut.

BUP memperlihatkan penambahan (*excrecence*) konsonan *dʒ dalam beberapa kata, khususnya pada posisi awal kata. Pada peringkat PMP, beberapa kata berkenaan tidak memperlihatkan kehadiran konsonan tersebut. Sebagai contohnya; PMP *ipən ‘gigi’ > BUP *dʒipən dan PMP *away ‘muka’ > BUP *dʒawi. Fenomena ini berlaku secara sporadik dan hanya berlaku pada dua kata sahaja dalam BUP dan tentunya memerlukan kajian yang lebih mendalam.

Selain itu, kata yang memiliki tiga suku kata dalam PMP disingkat menjadi dua suku kata dalam BUP. Dalam kata PMP *qapəju ‘hempedu’, PMP *qasawa ‘isteri’ dan PMP *qatəluR ‘telur’, suku kata awal pada ketiga-tiga kata tersebut disingkatkan lalu menjadi BUP *pədu ‘hempedu’, BUP *sawa ‘isteri’ dan BUP *turu. Seterusnya, kata-kata trisuku yang lain dalam PMP, iaitu *baqəRu ‘baru’, PMP *baRəqat ‘berat’, dan PMP *buqaya ‘buaya’ memperlihatkan penyingkatan suku kata *-əR-, *-Rə-, dan *-a. Proses penyingkatan suku kata ini menjadikan BUP *baʔu ‘baru’, BUP *baʔat ‘berat’, dan BUP *buʔay ‘buaya’.

Berkaitan dengan bentuk purba PMP *bitiqis ‘betis’ dan PMP *tuqəlaŋ ‘tulang’, kedua-dua kata purba ini mengalami penyingkatan suku kata PMP *-qi- dan PMP *-qə- lalu menjadi BUP *bitis ‘betis’ dan BUP *turaŋ ‘tulang’. Dalam BUP, keberadaan kedua-dua kata ini agak menyimpang daripada perubahan bunyi lazimnya, iaitu PMP *q pada posisi antarvokal menjadi BUP *ʔ. Berdasarkan kedua-dua kata purba PMP di atas, PMP *q tidak berubah menjadi BUP *ʔ, sebaliknya pula digugurkan.

Penggantian leksikal PMP ke BUP

Penggantian item leksikal daripada PMP ke BUP diselidiki berdasarkan lapan bidang semantik, iaitu waktu, bilangan, alam persekitaran dan warna, alat-alat kelengkapan

rumahtangga, istilah kekeraban, kata ganti nama, anggota tubuh manusia, dan haiwan sesama anggota badannya.

Waktu

Beberapa istilah waktu dalam BUP mengalami perubahan item leksikal daripada bentuk asli PMP. Kata ‘pagi’ yang menurut Adelaar (1992) masih belum direkonstruksi secara menyakinkan dalam PMP direkonstruksikan dalam BUP *isan. Kata PMP *Rabiqi ‘petang’ menjadi BUP *kumi dan kata ‘malam’ menjadi BUP *karəm (< PMP bəRŋi). Selain itu, kata PMP *taqun wujud dalam BUP sebagai *sawa.⁷

Bilangan

Sistem bilangan yang wujud dalam BUP memperlihatkan berlakunya perubahan leksikal, khususnya pada kata bilangan ‘lapan’, ‘sembilan’ dan ‘sepuluh’. Contoh data perubahan leksikal ini adalah seperti berikut; PMP *walu ‘lapan’ > *mait, PMP *siwa ‘sembilan’ > *pəriʔi, dan PMP *puluq ‘sepuluh’ > *siməŋ. Kata bilangan yang lain dalam BUP, iaitu ‘satu’, ‘dua’, ‘tiga’, ‘empat’, ‘lima’, dan ‘enam’ diturunkan secara teratur daripada PMP, dan kata ‘tujuh’ pula memperlihatkan BUP meminjam daripada bahasa Melayu /tudʒuh/.

Alam persekitaran dan warna

Istilah alam persekitaran dan warna dalam BUP yang mengalami perubahan leksikal berbanding dengan PMP dapat diutarakan seperti berikut; PMP *wahiR ‘air’ > *piʔin, PMP *qilih ‘gunung’ > *darəd, PMP *diŋdiŋ ‘dingin’ > *mədud, PMP *qitəm ‘hitam’ > *siŋət, PMP *ma-iRaq ‘merah’ > *biri, PMP *hizaw ‘hijau’ > barəmə, dan PMP *kuniŋ ‘kuning’ > *siak. Sementara itu, banyak istilah lain untuk alam persekitaran dan warna dalam BUP diwarisi secara langsung daripada PMP.

Alat kelengkapan rumah tangga

Wujud beberapa istilah mengenai alat kelengkapan rumah tangga yang mengalami perubahan leksikal jika dibandingkan dengan PMP. Istilah-istilah tersebut dapat diikuti seperti berikut; PMP *pisaw ‘pisau’ > *sindak, PMP *Rumaq ‘rumah’ > *ramin, PMP *qatəp ‘atap’ > *ira, PMP *qiNəp ‘pintu’ > *tiban, PMP *DiŋDiŋ ‘dinding’ > *sinduj, PMP *pa(n)tar ‘pelantar’ > *pawad, PMP *ZaRum ‘jarum’ > BUP *atus, dan PMP *ləpaw ‘beranda’ > *dawa. Istilah lain untuk alat kelengkapan rumah tangga BUP yang mengalami retensi leksikal dengan PMP.

Kekerabatan

Terdapat hanya sebuah kata kekerabatan dalam BUP yang mengalami penggantian item leksikal daripada bentuk asli PMP, yaitu PMP *Datu? ‘datuk’ > *babay. Dalam BUP, kata-kata kekerabatan yang lain memperlihatkan wujudnya retensi dengan PMP.

Kata ganti nama

Ada pronomina demonstratif, pronomina interogatif dan pronomina persona pertama (jamak) BUP yang memperlihatkan penggantian leksikal daripada bentuk asli PMP. Contoh data bentuk-bentuk pronomina yang berkaitan adalah seperti yang disenaraikan berikut; PMP *qi-ni ‘ini’ > *ati, PMP *inu ‘mana’ > *diki, dan PMP *apa ‘apa’ > *ani. Selanjutnya, pronomina persona pertama (jamak), yaitu ‘kami’ juga mengalami penggantian leksikal; PMP *(i)kami > *ki?i. BUP mengekalkan bentuk-bentuk pronomina yang lain dalam PMP.

Anggota tubuh badan manusia

Kata yang menyangkut anggota tubuh manusia dalam BUP mengalami banyak penggantian item leksikal apabila dibandingkan dengan PMP. Kata-kata yang berkenaan dapat diutarakan seperti berikut; PMP *baRa/ *paRa/ *qa-lima/ *kamay ‘tangan’ > *birin, PMP *kuku ‘kuku’ > *siru, PMP *qaqay ‘kaki’ > *kadʒaʔ, PMP *tumit ‘tumit’ > *tigaʔ, PMP *Sawak ‘pinggang’ > *kupuŋ, PMP *qabaRa ‘bahu’ > *kawi, PMP *adəp ‘dada’ > *saduʔ, PMP *karuŋkuŋ ‘kerungkung’ > *gaguŋ, PMP *qulu ‘kepala’ > *ubak, PMP *timid/ *qazay ‘dagu’ > *səraʔ, PMP *gusi(?) ‘gusi’ > *dədəg, dan PMP *taliŋa ‘telinga’ > *kadʒit. Kata lain anggota tubuh badan manusia yang dicatat menunjukkan wujudnya pewarisan langsung BUP dengan PMP.

Haiwan dan anggota tubuh

Wujud beberapa kata yang memperlihatkan adanya penggantian leksikal antara BUP dengan PMP, khasnya kata-kata yang merujuk kepada haiwan dan anggota tubuhnya. Contoh data yang membuktikan fenomena ini adalah seperti berikut; PMP *asu ‘anjing’ > *kasuaŋ, PMP *sawa ‘sawa’ > *kanən, PMP *qali-wati ‘cacing tanah’ > *tima, PMP *babuy ‘babi hutan’ > *dahaŋ, PMP *jamuk ‘nyamuk’ > *ruŋgaŋ, PMP *lawaq ‘labah-labah’ > *takaʔ, PMP *bayawak ‘biawak’ > *bidat, dan PMP *pagquŋ ‘kura-kura’ > *diaʔ. BUP mengalami retensi dengan PMP pada kata-kata lain berkenaan haiwan dan anggota tubuhnya.

Penggantian leksikal BUP pada kata PMP lain

Selain kata-kata yang telah diutarakan sebelumnya, di bawah ini disenaraikan kata-kata BUP yang mengalami penggantian leksikal dengan PMP. Sistem penomboran yang terdapat dalam tanda () adalah urutan kata yang wujud dalam senarai data item leksikal seperti yang dipaparkan dalam Lampiran D.

	Kata	PMP	BUP
(5)	kiri	*wiRi	*mait
(6)	kanan	*wanan	*taʔu
(14)	lari	*laRiw	*kadu
(15)	pergi	*pana	*adi
(17)	datang	*maRi	*mandəg
(21)	mandi	*andiq	*mamu
(26)	kotor	*cəməD	*kaʔis
(50)	tahu	*taqu	*puʔan
(54)	takut	*takut	*taru
(66)	mencium	*Sajək	*tadəg
(74)	menangis	*taŋis	*siʔən
(79)	nasi	*asiʔ	*tubiʔ
(83)	minum	*inum	*nuak
(84)	menggigit	*kitkit	*kuʔut
(93)	buta	*buta	*karak
(97)	bermimpi	*Səpi	*pimən
(100)	duduk	*duduk	*guruʔ
(102)	berdiri	*DiRi	*midʒug
(103)	orang	*tau	*dayaʔ
(104)	lelaki	*laki	*dari
(105)	perempuan	*b-in-ahi	*dayuŋ
(137)	nama	*ajan	*ganan
(140)	bercakap	*bahaq	*miu
(141)	bertanya	*kutana	*sikən
(142)	menjawab	*saRut	*nam

(146)	mengikat	*ikət	*məʔəŋ
(159)	luka	*nuka	*tawan
(169)	mengambil	*alap	*təmbit
(170)	membunuh	*bunuq	*kabəs
(171)	mati	*matəy	*kəbəs
(174)	bisul	*bisul	*piraŋkis
(177)	daki	*daki	*rənək
(179)	memotong	*təbtəb	*kapəg
(182)	membelah	*bəlaq	*muta
(183)	tajam	*taZəm	*radʒaʔ
(188)	perahu	*parahu	*arud
(195)	buritan	*ipus	*kənaŋ
(196)	menanam	*tanəm	*purun
(202)	buat	*buhat	*kunda
(215)	melemparkan	*la(m)bak	*taran
(251)	sarang babi	*salaR	*sarin
(262)	mata kail	*kawit	*buntik
(269)	busuk (kayu)	*rəput	*mədam
(270)	busuk (bau)	*baŋ(ə)qəR	*buʔu
(305)	hutan	*tuan	*tarun
(331)	membakar	*tutuD	*ŋaʔu
(341)	besar	*(ma)Raya	*bagaʔ, *bas, *ayu
(342)	pendek	*ma-panDak	*kidik
(344)	panjang	*anaduq	*ambu
(347)	tipis	*nipis	*ridik
(349)	sempit (baju)	*kiput	*kaʔət
(357)	malu	*ma-Siaq	*məŋən

(358)	tua	*ma-tuqah	*ɲamba
(363)	lama (baju)	*lamaʔ	*damba
(364)	baik	*diqɑq	*mandis
(371)	lurus	*lurus	*təɲən
(372)	licin	*licin	*dʒəru
(380)	hari	*waRi	*andu
(382)	kelmarin	*nərab	*midʒa
(391)	bersembunyi	*liŋəd	*sukan
(401)	dekat	*azani	*sindəg

Perubahan PMP, MP dan BUP

Perbandingan antara PMP, MP dan BUP dilakukan atas dasar untuk melihat apa sahaja perubahan atau pengekalan khasnya dalam aspek fonem, fonotaktik dan perbezaan item leksikal yang terjadi antara bahasa-bahasa purba tersebut. Satu kenyataan yang harus diutarakan di sini ialah baik MP atau pun BUP kedua-dua bahasa purba ini diturunkan daripada PMP. Justeru, dalam perbandingan ini ketiga-tiga bahasa purba ini akan digandingkan demi memperoleh satu dapatan yang dapat dipertanggungjawabkan.

Perbandingan fonem PMP, MP dan BUP

Dalam bahagian ini, perbandingan fonem PMP, MP dan BUP terlebih dahulu dilakukan pada bahagian vokal, diftong, konsonan dan diakhiri dengan fonem separuh vokal. Perbandingan fonem antara ketiga-tiga bahasa purba ini dapat dilihat dalam bahagian berikut.

Fonem Vokal

Fonem vokal PMP *a diturunkan secara teratur sebagai MP *a dan BUP *a pada semua posisi kata. Namun begitu, pada kata PMP *buqaya 'buaya', MP masih mengekalkan

semua vokal PMP, iaitu MP *buaya, tetapi BUP telah mengalami proses penyingkatan suku kata akhir, yakni hilangnya suku kata akhir BUP *-a lalu menjadi BUP *buʔay.

Fonem vokal PMP *ə juga diturunkan dalam MP *ə dan BUP *ə pada semua posisi kata; awal, praakhir dan suku kata tertutup.⁸ Kata PMP *qatəluR ‘telur’ memperlihatkan sedikit perbezaan antara MP dengan BUP, yakni vokal tengah MP *ə pada posisi praakhir adalah retensi dengan PMP, tetapi BUP pada posisi yang sama hadir sebagai vokal BUP *u; PMP *qatəluR ‘telur’ > MP *təluR; BUP *turu.

Fonem vokal PMP *i juga diturunkan secara teratur dalam MP *i dan BUP *i pada semua posisi kata, tetapi dalam kata PMP *bitiqis, MP memperlihatkan vokal tengah *ə dan BUP mengekalkan *i; PMP bitiqis ‘betis’ > MP bətis; BUP bitis. Selain, itu, fonem vokal PMP *u juga diturunkan dalam MP dan BUP sebagai *u. Dalam kata PMP *puki ‘kemaluan perempuan’, MP juga memperlihatkan fonem vokal *u pada posisi tersebut, tetapi dalam BUP hadir sebagai *a; PMP *puki ‘kemaluan perempuan’ > MP *puki; BUP *paki. Selanjutnya, data yang memperlihatkan perbandingan ketiga-tiga bahasa purba tersebut dapat dilihat seperti di bawah, manakala Jadual 1.10 menunjukkan perbandingan fonem vokal PMP, MP dan BUP.

JADUAL 1.10 Perbandingan Fonem Vokal PMP, MP dan BUP

	Fonem Vokal			
PMP	*a	*ə	*i	*u
MP	*a	*ə	*i	*u
BUP	*a	*ə	*i	*u

Contoh:

PMP *anak ‘anak’ > MP *anak; BUP *anak
PMP *asa ‘satu’ > MP *asa; BUP *sa
PMP *paqa ‘paha’ > MP *paha(?); BUP *paʔa
PMP *bulan ‘bulan’ > MP *bulan; BUP *buran
PMP *ənəm ‘enam’ > MP *ənəm; BUP *ənəm
PMP *qapəju ‘hempedu’ > MP *həmpədu; BUP *pədu
PMP *hutək ‘otak’ > MP *u(n)tək; BUP *utək
PMP *hikan ‘ikan’ > MP *ikan; BUP *ikan
PMP *(i)kita ‘kita’ > MP *kitaʔ; BUP *kita
PMP *daqis ‘dahi’ > MP *dahi; BUP *daʔi
PMP *kulit ‘kulit’ > MP *kulit; BUP *kurit
PMP *Duha ‘dua’ > MP *dua(?); BUP *dua
PMP *siku ‘siku’ > MP *siku; BUP *siku
PMP *qabu ‘abu’ > MP *habu; BUP *abu

Diftong

Diftong PMP *-aw diturunkan dalam MP dan BUP sebagai *-aw. Diftong PMP *-uy diturunkan dalam BUP *-uy dan diftong ini mengalami inovasi dalam MP, iaitu *-i. Selanjutnya, diftong PMP *-ay diturunkan dalam MP dan BUP juga *-ay. Perbandingan diftong antara PMP, MP dan BUP terdapat dalam Jadual 1.11, dan data diftong ketiga-tiga bahasa purba ini dapat dilihat seperti di bawah.

JADUAL 1.11 Perbandingan Diftong PMP, MP dan BUP

	Diftong		
PMP	*-aw	*-uy	*-ay
MP	*-aw	*-i	*-ay

BUP	*-aw	*-uy	*-ay
-----	------	------	------

Contoh:

PMP *Danaw ‘danau’ > MP *danaw; BUP *danaw.

PMP *hapuy ‘api’ > MP *api; BUP *apuy

PMP *suŋay ‘sungai’ > MP *suŋay; BUP *suŋay,

Konsonan Plosif Tidak Bersuara

Konsonan plosif tidak bersuara PMP *p, *t, *k diturunkan secara teratur dalam MP dan BUP sebagai *p, *t, dan *k dalam semua posisi kata; awal, antarvokal dan pada posisi akhir kata. Namun begitu, fonem PMP *q memperlihatkan bentuk turunan yang berbeza dalam MP dan BUP. Fonem PMP *q diturunkan sebagai MP *h dalam semua posisi kata; awal, antarvokal dan pada posisi akhir kata. Sementara itu, dalam BUP fonem PMP *q diturunkan sebagai *ʔ (kemudian, seperti MP refleks *q pada posisi awal hilang). Jadual 1.12 menunjukkan perbandingan konsonan plosif tidak bersuara PMP, MP dan BUP. Contoh data untuk mewakili perbandingan fonem ini dapat dilihat seperti di bawah.

JADUAL 1.12 Perbandingan Konsonan Plosif Tidak Bersuara PMP, MP dan BUP

	Konsonan Plosif Tidak Bersuara			
PMP	*p	*t	*k	*q
MP	*p	*t	*k	*h
BUP	*p	*t	*k	*ʔ

Contoh:

PMP *paqa ‘paha’ > MP *paha; BUP *paʔa,

PMP *puqun ‘pohon’ > MP *puhun; BUP *puʔun

PMP *qapəju ‘hempedu’ > MP *həmpədu; BUP *pədu

PMP *quDip ‘hidup’ > MP *hidup; BUP *udip

PMP *tanaq ‘tanah’ > MP *tanah; BUP tanaʔ

PMP *kulit ‘kulit’ > MP *kulit; BUP *kurit

PMP *siku ‘siku’ > MP *siku; BUP *siku

PMP *anak ‘anak’ > MP *anak; BUP *anak

Konsonan Plosif Bersuara

Fonem PMP *b, *d, dan *g diturunkan dalam MP *b, *d, dan *g pada posisi awal kata, antavokal dan setelah konsonan nasal dan sama sekali tidak hadir pada posisi akhir kata (Adelaar 1994:113-116). Dalam BUP, fonem purba PMP ini tidak sahaja hadir pada posisi awal kata atau antavokal, malah wujud juga pada posisi akhir kata. Fonem PMP *b menjadi MP *b pada semua posisi kata, kecuali pada posisi akhir kata menjadi MP *-p. Dalam BUP, fonem PMP *b menjadi BUP *b pada semua posisi kata. Fonem PMP *D juga diturunkan sebagai *d dalam MP dan BUP pada posisi awal kata; PMP *D > MP; BUP *d /#_.⁹

Selanjutnya, fonem PMP *d menurunkan MP *d pada posisi awal kata, posisi antavokal, dan *-t pada posisi akhir, manakala dalam BUP fonem purba PMP *d ini menjadi BUP *d pada semua posisi kata. Berkaitan dengan fonem PMP *g, BUP memperlihatkan *g pada semua posisi kata; awal kata, antavokal dan akhir kata, manakala dalam MP fonem ini tidak hadir pada posisi akhir kata dan digantikan dengan fonem MP *-k. Data di bawah menunjukkan keberadaan bunyi konsonan ini dan Jadual 1.13 menggambarkan perbandingan konsonan plosif bersuara antara PMP, MP dan BUP.

JADUAL 1.13 Perbandingan Konsonan Plosif Bersuara PMP,MP dan BUP

	Konsonan Plosif Bersuara									
PMP	*b-	*-b-	*-b	*D-	*d-	*-d-	*-d	*g-	*-g-	*-g

MP	*b- *-b- *-p	*d /#_	*d	*-d- *-t	*g- *-g- *-k
BUP	*b- *-b- *-b	*d /#_	*d	*-d- *-d	*g- *-g- *-g

Contoh:

PMP *buaq ‘buah’ > MP *buah; BUP *bua?

PMP *qabu ‘abu’ > MP *habu; BUP *abu

PMP *ma-Suab ‘menguap’ > MP *uap; BUP kuab

PMP *Danaw ‘danau’ > MP *danaw; BUP *danaw

PMP *Daraq ‘darah’ > MP darah; BUP daya?

PMP *daqan ‘dahan’ > MP *dahan; BUP *daʔan

PMP *daSun ‘daun’ > MP *daun; BUP *dawun

PMP *qudip ‘hidup’ > MP *hidup (metatesis); BUP *udip

PMP *tuhud ‘lutut’ > MP *tuøøt; BUP tuød

PMP *qølad ‘sayap’ > MP --; BUP *arad

PMP * gusuk ‘gosok’ > MP *gusuk; BUP gusuk

PMP *pagi ‘besok’ > MP *pagi¹⁰; BUP pagi

PMP *qayag ‘mengayak’ > MP ayak; BUP ayag

Konsonan Nasal

Fonem nasal PMP *m, *n, dan *ŋ diturunkan secara teratur dalam MP dan BUP sebagai *m, *n, dan *ŋ. Fonem nasal PMP *m menjadi MP dan BUP *m pada semua posisi kata; awal, antarvokal dan pada posisi akhir kata. Fonem nasal PMP *n dan *ŋ yang hadir dalam MP dan BUP sebagai *n dan *ŋ hanya hadir pada posisi antarvokal dan posisi akhir kata.¹¹ Jadual 1.14 di bawah menunjukkan perbandingan konsonan nasal PMP, MP dan BUP, manakala data untuk mewakili perbincangan di atas dapat dilihat seperti yang dipaparkan.

JADUAL 1.14 Perbandingan Konsonan Nasal PMP, MP dan BUP

	Konsonan Nasal		
PMP	*m	*n	*ŋ
MP	*m	*n	*ŋ
BUP	*m	*n	*ŋ

Contoh:

PMP *manuk ‘burung’ > MP *manuk; BUP *manuk

PMP *lima ‘lima’ > MP *limaʔ; BUP *lima

PMP *ənəm ‘enam’ > MP *ənəm; BUP *ənəm

PMP *tanaq ‘tanah’ > MP *tanah; BUP *tanaʔ

PMP *puqun ‘pohon’ > MP *puhun; BUP *puʔun

PMP *laŋit ‘langit’ > MP *laŋit; BUP *raŋit

PMP *tuqələŋ ‘tulang’ > MP *tulaŋ; BUP *turaŋ

Konsonan Frikatif Tidak Bersuara

Konsonan frikatif tidak bersuara PMP *S menjadi zero dalam MP dan BUP, dan PMP *s diturunkan secara teratur dalam MP dan BUP sebagai *s dalam semua posisi kata; awal, antartvokal dan pada posisi akhir kata. Selain itu, PMP *h juga menjadi zero sama ada dalam MP atau pun dalam BUP. Perbandingan fonem frikatif tidak bersuara ini dapat dilihat dalam Jadual 1.15 dan data daripada perbincangan ini dapat diajukan seperti di bawah.

JADUAL 1.15 Perbandingan Konsonan Frikatif Tidak Bersuara PMP,

MP dan BUP

	Konsonan Frikatif Tidak Bersuara		
PMP	*S	*s	*h
MP	∅	*s	∅
BUP	∅	*s	∅

Contoh:

PMP *kaSiw ‘kayu’ > MP *kayuʔ; BUP *kayu

PMP *siku ‘siku’ > MP *siku; BUP *siku

PMP *susu ‘susu’ > MP *susu; BUP *susu

PMP *bitiqis ‘betis’ > MP *bətis; BUP *bitis

PMP *həpat ‘empat’ > MP *əmpat; BUP *pat

PMP *hikan ‘ikan’ > MP *ikan; BUP *ikan

PMP *Duha ‘dua’ > MP *dua; BUP *dua

Konsonan Afrikat Bersuara

Fonem PMP *z, *Z diturunkan dalam MP *j dan BUP *dʒ, khasnya pada posisi awal kata dan pada posisi antarvokal. Fonem PMP *j pula diturunkan dalam MP dan BUP sebagai *d hanya dalam posisi antarvokal sahaja, manakala PMP *j diturunkan dalam MP *t dan BUP *d, khasnya pada posisi akhir kata. Menurut Adelaar (1994:15-16) PMP *j secara teratur akan menurunkan *t dalam MP pada posisi akhir kata. Contoh data, misalnya PMP *laləj ‘lalat’ > MP *lalət; dan PMP *quləj ‘ulat’ > MP *hulət. Sekiranya PMP *j berada pada posisi antarvokal, maka dalam MP wujud sebagai *d; PMP *pajəy ‘padi’ > MP *padi; dan PMP *qaləjaw ‘hari’ > MP *andaw. Justeru, PMP *j pada posisi antarvokal baik MP atau pun BUP menjadi *d. Data di bawah mengukuhkan lagi

perbincangan di atas dan Jadual 1.16 berikut menggambarkan perbandingan konsonan afrikat bersuara antara PMP, MP dan BUP.

JADUAL 1.16 Perbandingan Konsonan Afrikat Bersuara PMP, MP dan BUP

	Konsonan Afrikat Bersuara		
PMP	*z, *Z	*j	*-j
MP	*j	*d	*-t
BUP	*dʒ	*d	*-d

Contoh:

PMP *ma-Zauq ‘jauh’ > MP *jauh; BUP *dʒauʔ

PMP *zaqit ‘jahit’ > MP *jahit; BUP *dʒiʔit

PMP *zaqat ‘hajat’ > MP *jahat; BUP *dʒaʔat

PMP *quzan ‘hujan’ > MP *hujan; BUP *udʒan

PMP *qapəju ‘hempedu’ > MP *hAmpədu; BUP *pədu

PMP *ujuŋ/ *ijjuŋ ‘hidung’ > MP *hiduŋ; BUP *unduŋ

PMP *pusej ‘pusat’ > MP *pusat; BUP *pusəd

Konsonan Likuida

Fonem PMP *R, *r pada posisi awal kata menjadi BUP zero dan perbandingan dengan MP sulit untuk dilakukan kerana data yang ada tidak cukup dan ada kalanya tidak memiliki kata yang sekognat. Fonem PMP *R, *r menjadi MP *r pada semua posisi kata, tetapi dalam BUP memperlihatkan beberapa variasi, iaitu PMP *R, *r menjadi BUP *r pada posisi antarvokal dan zero pada posisi akhir kata. Begitu juga halnya dengan fonem PMP

*l, iaitu MP memperlihatkan *l, tetapi dalam BUP menjadi *r pada posisi awal kata dan antarvokal dan zero pada posisi akhir kata. Jadual 1.17 memperlihatkan perbandingan fonem ini antara PMP, MP dan BUP, dan data di bawah mengukuhkan lagi huraian di atas.

JADUAL 1.17 Perbandingan Konsonan Likuida PMP, MP dan BUP

PMP	MP	BUP
*R	*r	*r
*r		
*l	*l	

Contoh:

PMP *Rabun ‘awan’ > MP --; BUP abun

PMP *dəŋəR ‘dengar’ > MP *dəŋər; BUP *dəŋa

PMP *pariaq ‘peria’ > MP *paria; BUP *pariaʔ

PMP *laŋit ‘langit’ > MP *laŋit; BUP *raŋit

PMP *lima ‘lima’ > MP *lima; BUP *rima

PMP *tuqəlaŋ ‘tulang’ > MP *tulaŋ; BUP *turaŋ

PMP *ma-kapal ‘tebal’ > MP *təbəl; BUP *kapa

Konsonan Separuh Vokal

Fonem PMP *w diturunkan secara teratur dalam MP dan BUP sebagai *w. Selanjutnya, PMP *y menurunkan MP dan BUP *y. Jadual 1.18 berikut menunjukkan perbandingan fonem konsonan separuh vokal antara PMP, MP dan BUP.

JADUAL 1.18 Perbandingan Konsonan Separuh Vokal PMP, MP dan BUP

	Konsonan Separuh Vokal	
PMP	*w	*y
MP	*w	*y
BUP	*w	*y

Data yang boleh diutarakan untuk huraian di atas adalah seperti di bawah.

Contoh:

PMP *tawa ‘tertawa’ > MP *tawaʔ; BUP *tawa

PMP *qasawa ‘isteri’ > MP --; BUP *sawa

PMP *ayuŋ ‘kera’ > MP --; BUP *ayuŋ

PMP *qayag ‘mengayak’ > MP *ayak; BUP *ayag

PMP *Daya ‘ke pedalaman’ > MP *dayaʔ; BUP *sidʒuk

Perubahan fonotaktik PMP, MP dan BUP

Konsonan plosif bersuara BUP *b, *d dan *g hadir pada semua posisi kata; awal kata, antavokal dan akhir kata. Dalam MP, fonem *b hadir sebagai *b pada posisi awal kata dan antavokal, tetapi *-p pada posisi akhir kata. Hal yang sama juga terjadi pada fonem MP *d dan *g, yakni MP *d dan *g hadir pada posisi awal kata dan antavokal, tetapi wujud sebagai *-t dan *-k pada posisi akhir kata. Berkaitan dengan konsonan afrikat PMP *j, BUP memperlihatkan *d pada semua posisi kata. Dalam MP, PMP *j menjadi *-t pada posisi kata akhir dan *d pada posisi lain.

Selanjutnya, dalam BUP, kata-kata trisuku dalam PMP disingkatkan lalu menjadi kata dwisuku. Kata purba PMP *qapəju ‘hempedu’, PMP *qatəluR ‘telur’, PMP

*baqəRu ‘baru’, PMP *baRəqat ‘berat’, PMP *buqaya ‘buaya’, PMP *bitiqis ‘betis’, dan PMP *tuqəlaŋ ‘tulang’ disingkatkan lalu menjadi BUP *pədu, *turu, *baʔu, *baʔat, *buʔay, *bitis, dan *turaŋ berdasarkan rumus penyingkatan suku kata yang berbeza-beza.

Jika kata-kata di atas mahu dibandingkan antara BUP dengan MP, maka perkembangan di atas memperlihatkan pola inovasi dan retensi pada kata-kata tertentu dalam kedua-dua bahasa purba tersebut. Pada pasangan kata PMP *qapəju ‘hempedu’ dan PMP *qatəluR ‘telur’, BUP memperlihatkan *pədu dan MP *həmpədu. Keberadaan kata ini menunjukkan BUP mengalami inovasi, manakala MP retensi.

Selanjutnya, kata PMP *baqəRu ‘baru’, PMP *baRəqat ‘berat’, dan PMP *buqaya ‘buaya’ menjadi BUP *baʔu, *baʔat, dan *buʔay, manakala MP memperlihatkan *bAharu, *barəhat > bərat, dan *buhaya > buaya. Data yang diajukan ini jelas memperlihatkan bahawa BUP mengalami inovasi pada semua kata tersebut, manakala MP pula mengalami retensi. Keberadaan kata /bərat/ dan /buaya/ adalah perkembangan yang berlaku kemudian, yakni ada kalanya /h/ itu digugurkan.

Kata PMP *bitiqis ‘betis’ dan PMP *tuqəlaŋ menjadi BUP *bitis dan BUP *turaŋ, manakala MP juga memperlihatkan fenomena yang sama, iaitu MP *bətis dan MP tulaŋ. Fenomena ini jelas menunjukkan bahawa baik BUP mahu pun MP sama-sama mengalami inovasi.

Perbezaan leksikal MP dan BUP

Huraian berikut menggambarkan fenomena perbezaan item leksikal antara BUP dengan MP berdasarkan bidang semantik berikut.

Waktu

Wujud lima kata berkenaan waktu dalam BUP yang mengalami perbezaan item leksikal dengan MP. Contoh data yang berkenaan dapat disenaraikan seperti berikut; MP *pagi 'pagi'; BUP *isan, MP *pətəŋ 'petang'; BUP *kumi, MP *hari 'hari'; BUP *andu, MP *ma-lə(hø)əm 'malam'; BUP *karəm, dan MP *tahun 'tahun'; BUP *sawa. Sementara itu, kata 'siang' atau 'tengah hari' dan 'bulan' memperlihatkan retensi bersama antara MP dengan BUP; MP *andaw 'siang/ tengah hari'; BUP *andu, dan MP *bulan 'bulan'; BUP *buran.

Bilangan

Kata bilangan yang memperlihatkan penggantian leksikal MP ke BUP ialah kata 'lapan', 'sembilan', dan 'sepuluh'. Contoh data yang menunjukkan penggantian leksikal ini adalah seperti berikut; MP *dua(?)alap-an 'lapan'; BUP *mait, MP *əsaʔ ambil-an 'sembilan'; BUP *pəriʔi, dan MP *sA-puluh 'sepuluh'; BUP *siməŋ.

Alam persekitaran dan warna

Istilah alam persekitaran dan warna yang mengalami perubahan leksikal adalah seperti berikut; MP *akar 'akar'; BUP *uat, MP *rumput 'rumput'; BUP *udu, MP *pasir 'pasir'; BUP *sumat, MP *air 'air'; BUP *piʔin, MP *diŋin 'dingin'; BUP *mədud, MP *hitəm 'hitam'; BUP *siŋət, MP *ma-irah 'merah'; BUP *biri, MP *kunit 'kuning'; BUP *siak, dan MP *guntur/ *guruh 'guruh'; BUP *dudu.

Alat kelengkapan rumah tangga

Perubahan leksikal berkaitan kata alat kelengkapan rumah tangga BUP berbanding dengan MP dapat diikuti seperti berikut; MP *rumah ‘rumah’; BUP *ramin, MP *hatəp ‘atap’; BUP *iraw, MP *dindiŋ ‘dinding’; BUP *sinduŋ, dan MP *jarum ‘jarum’; BUP *atus, dan MP *badiʔ ‘pisau’; BUP *sundak.

Kekerabatan

Istilah kekerabatan BUP memperlihatkan banyak berlakunya penggantian leksikal jika dibandingkan dengan MP. Contoh data yang boleh diutarakan adalah seperti berikut; MP *laki ‘suami’; BUP *bana, MP *bini ‘isteri’; BUP *sawa, MP *kakaʔ ‘abang’; BUP *sika, MP *kakaʔ ‘kakak’; BUP *sika, MP *niniʔ ‘nenek’; BUP *simbu, MP *(b)apa(ʔ) ‘bapa’; BUP *sama, dan MP *akiʔ ‘datuk’; BUP *babay.

Kata ganti nama

Kata ganti nama diri tanya (pronomina interogatif) dan kata ganti nama tunjuk (pronomina demonstratif) BUP mengalami perubahan leksikal dalam MP. Kedua-dua kata ganti nama tersebut dapat diajukan seperti berikut; MP *mana(ʔ) ‘mana’; BUP *diki, MP *apa ‘apa’; BUP *ani, MP *si-apa ‘siapa’; BUP *asi, MP *(i)ni(ʔ) ‘ini’; BUP *ati, dan MP *(i)tu(ʔ) ‘itu’; BUP *ina. Selain itu, kata ganti nama diri pertama jamak MP *kami ‘kami’; BUP *kiʔi dan kata ganti nama diri kedua tunggal dan jamak MP *kau(ʔ) ‘kau’; BUP *imu. Kata ganti nama diri ketiga jamak, iaitu ‘mereka’ wujud dalam MP *sidaʔ; BUP *ayu [Hulu Sambas dan Lundu], *ŋara [Penrissen, Siburan, Padawan] dan wujud sebagai retensi bersama *da dalam varian Bidayuhik di Hulu Sekayam dan Ser

Anggota tubuh badan manusia

Terdapat beberapa kata yang menunjukkan berlakunya penggantian leksikal antara MP dan BUP berkaitan anggota tubuh badan manusia. Kata-kata tersebut, misalnya; MP *taŋan ‘tangan’; BUP *biriŋ, MP *kuku ‘kuku’; BUP *siru, MP *kaki ‘kaki’; BUP *kadʒaʔ, MP *pərut ‘perut’; BUP *taʔin, MP *dada ‘dada’; BUP *saduʔ, MP *rusuk ‘rusuk’; BUP *tigaŋ, MP *hulu ‘kepala’; BUP *ubak, MP *daguʔ ‘dagu’; BUP *səraʔaʔ, MP *mulut ‘mulut’; BUP *babaʔ, dan MP *tAliŋa(?) ‘telinga’; BUP *kadʒit.

Haiwan dan anggota tubuh

Berkaitan dengan kata alam binatang dan anggota tubuhnya, BUP memperlihatkan penggantian leksikal dengan MP berdasarkan kata-kata berikut; MP *asuʔ ‘anjing’; BUP *kasuŋ, MP *tikus ‘tikus’; BUP *babu, MP *uləŋ ‘ular’; BUP *dipa, MP *cacin ‘cacing’; BUP *tima, MP *babi ‘babi hutan’; BUP *daŋ, MP *jamuk ‘jamuk’; BUP *ruŋgaŋ, MP *lawaʔ/ *laba(?) ‘labah-labah’; BUP *takaʔ, MP *biawak ‘biawak’; BUP *bidat, MP *uləŋ sawaʔ ‘ular sawa’; BUP *kanəŋ, dan MP *kuraʔ ‘kura-kura’; BUP *diaʔ.

Perbezaan item leksikal BUP pada kata MP lain

Penggantian leksikal BUP pada kata MP yang lain dapat disenaraikan seperti di bawah;

	Glos	PMP	MP	BUP
(5)	kiri	*wiRi	*kibaʔ	*mait
(6)	kanan	*wanan	*k/nan	*taʔu
(13)	berjalan	*lakaw	*((mb)Ar-)jalan	*panu
(14)	lari	*laRiw	*lari	*kadu
(17)	datang	*mari	*datəŋ	*mandəŋ

(20)	berenang	*daŋuy	*((mb)A-tənaŋ	*daŋuy
(21)	mandi	*andiq	*m/andiʔ	*mamu
(23)	tenggelam	-	*tiŋgələm	*mətəm
(24)	hanyut	-	*haŋut	*paman
(26)	kotor	*cəməD	*kamah/kumuh	*kaʔis
(50)	tahu	*taqu	*tahu(?)	*puʔan
(54)	takut	*takut	*takut	*təru
(74)	menangis	*taŋis	*taŋis	*siʔən
(79)	nasi	*asiʔ	*nasiʔ	*tubiʔ
(83)	minum	*inum	*inum	*nuak
(84)	menggigit	*kitkit	*gigit	*kuʔut
(89)	tuli	*bəŋəR	*tuliʔ	*bəŋam
(93)	buta	*buta	*butaʔ	*karak
(96)	tidur	*tiDur	*tidur	*bəʔəs
(97)	bermimpi	*Sipi	*m/impi	*pimən
(100)	duduk	*duduk	*duduk	*guruʔ
(102)	berdiri	*DiRi	*diri	*midʒug
(103)	orang	*tau	*uraŋ	*dayaʔ
(104)	lelaki	*laki	*laki	*dari
(140)	bercakap	*bahaq	*tutur	*miu
(141)	bertanya	*kutana	*taŋaʔ	*sikən
(146)	mengikat	*ikət	*ikət	*məʔəŋ
(167)	mencuri	*nakaw	*malin	*nakaw
(170)	membunuh	*bunuq	*bunuh	*kabəs
(171)	mati	*matəy	*mati	*kəbəs

(177)	daki	*daki	*daki?	*rənək
(179)	memotong	*təbtək	*Tətək	*kapəg
(182)	membelah	*bəlaq	*bəlah	*muta
(183)	tajam	*taZəm	*tajəm	*radʒa?
(196)	menanam	*tanəm	*tanəm	*purun
(232)	terbang	*Rəbək	*tar(ə)baŋ	*mabur
(256)	agas	-	*rəŋit	*kərap
(291)	mengalir	*aliR	*alir	*paman
(305)	hutan	*tuan	*hutan	*tarun
(340)	kecil	*kədik	*kəcil	*isit
(341)	besar	*(ma)Raya	*bəsar	*baga?/*bas/ *ayu
(342)	pendek	*ma-panDak	*pandak	*kidit
(344)	panjang	*anaduq	*paŋjaŋ	*ambu
(348)	tebal	*ma-kapal	*təbəl	*kapa
(349)	sempit (baju)	*kiput	*səmpit	*kəʔət
(350)	sempit (jalan)	*kiput	*səmpit	*sit
(357)	malu	*ma-Siaq	*malu	*məŋən
(363)	lama (baju)	*lamaq	*lama?	*damba
(364)	baik	*diqaq	*baik	*mandis
(391)	bersembunyi	*buni	*buni	*sukan
(424)	belum	-	*bəlum	*bayu

Kesimpulan

Berdasarkan huraian di atas, rumusan daripada perbandingan antara PMP, MP dan BUP dapat dirumuskan seperti berikut; pertama, wujud lima ciri inovasi bersama antara MP dan BUP, dan kedua, terdapat tujuh ciri inovasi yang membezakan antara MP dengan BUP. Inovasi bersama antara MP dengan BUP dapat diikuti seperti berikut; i) PMP *-aw,

*-g > MP *-k

*-j > MP *-t

*r, *l > MP *r, *l

*-g > BUP *-g

*-j > BUP *-d

*r, *l > BUP *r

RAJAH 1.1 Klasifikasi Bahasa Melayu-Bidayuhik Purba (BMBP)

Catatan Akhir:

¹ Ciri ini juga wujud dalam bahasa Melayu dan bahasa Bacan. Dalam kajian Collins (1989:150-151) ke atas penggolongan bahasa Bacan menyetujui bahawa bahasa Melayu dan bahasa Bacan memiliki inovasi bersama dalam diftong PMP *-iw, misalnya pada kata PMP *kaSiw menjadi /kayu/ dalam kedua-dua bahasa.

² Kajian Kroeger (1994a:11) ke atas bahasa yang dinamakannya sebagai Bibunuk mendapati bahawa terdapat beberapa kata yang bermula dengan plosif /ʔ/. Kehadiran plosif /ʔ/ ini hasil daripada proses penyingkatan kata-kata dwisuku. Walau bagaimanapun, pada pandangan penulis kehadiran plosif ini dalam bahasa tersebut terlalu terhad dan berlaku pula secara sporadik. Keterangan lanjut tentang isu ini sila lihat Kroeger (1994a:11-12).

³ Satu pengecualian berkaitan dengan fonem PMP *d ialah fonem tersebut menjadi BUP *dʒ, khususnya pada posisi awal kata yang diikuti selepasnya oleh vokal tinggi BUP *i (PMP *d > BUP *dʒ /#_i). Contoh data, misalnya PMP *dilaq 'lidah' > BUP *dʒiraʔ dan fenomena ini amat terhad wujud dalam BUP.

⁴ PMP memiliki kata *bawaŋ yang bererti 'kawasan tanah yang lapang atau pun kolam' dan BUP pula memiliki kata *tawaŋ yang juga memiliki erti yang hampir sama. Persoalan yang timbul di sini ialah adakah kedua-dua kata ini merupakan kata kembar dan kata *tawaŋ yang sehingga kini tidak direkonstruksikan. Jika kita mengandaikan bahawa PMP *bawaŋ menurunkan BUP *tawaŋ, perubahan PMP *b > BUP *t mencetuskan sedikit keganjilan kerana kedua-dua bunyi ini dihasilkan pada titik artikulasi yang berbeza.

⁵ Dalam PMP dan BUP sememangnya wujud konsonan nasal *ŋ, tetapi untuk membandingkan konsonan ini antara PMP dengan BUP ternyata sedikit mengalami kesulitan kerana kewujudan nasal ini antara PMP dengan BUP terdapat pada kata-kata yang tidak sekognat. Penulis berpendapat, sekiranya data ini diperluaskan lagi tentunya konsonan nasal ini dapat dibandingkan.

⁶ Konsonan frikatif tidak bersuara /h/ tidak direkonstruksikan dalam BUP kerana konsonan ini menjadi zero dalam posisi awal kata dan antarvokal. Keterangan lanjut berkaitan aspek ini sila lihat bahagian 7.1.3.1.

⁷ Kata 'siang' dan 'hari' direkonstruksikan dalam BUP sebagai *andu (< PMP *qaləjaw 'matahari') dan fenomena ini menunjukkan BUP mengalami retensi dengan PMP.

⁸ Adelaar merekonstruksikan *ə pada posisi akhir sedangkan hanya satu dialek Melayu yang memperlihatkan *ə, yakni dialek Jakarta.

⁹ Fonem purba PMP *D pada posisi setelah nasal menjadi MP *d dan MP *-r apabila fonem PMP *D berada pada posisi akhir kata (Adelaar 1994:296). Dalam BUP, keberadaan fonem PMP *D pada kedua-dua posisi ini tidak dapat dibandingkan kerana tidak memiliki kata yang sekognat.

¹⁰ Rekonstruksi MP *pagi memiliki makna 'pagi', manakala BUP *pagi memiliki makna 'besok'. Perbandingan di sini lebih merujuk kepada refleks bunyi bukannya refleks kata.

¹¹ Konsonan nasal PMP *ŋ tidak dapat dibandingkan kerana baik MP atau pun BUP tidak memiliki kata yang sekognat.